KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN PENGURUSAN RISIKO DAN SURVELAN KLINIKAL
BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
ARAS 4, BLOK E1, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
Tel : 03-88831180

Ruj. Kami : KKM 600-28/2/11 JLD.3 (18)
Tarikh : 08 Disember 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PERSEDIAAN DAN TATACARA PELAPORAN *MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS 2.0* TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pelaporan pencapaian *Malaysian Patient Safety Goals 2.0* bagi tahun 2025 akan bermula pada **1 Januari 2026 sehingga 31 Januari 2026.** Sebagaimana YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, semua hospital/ institusi kesihatan awam, klinik kesihatan/ klinik pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia serta fasiliti kesihatan swasta di Malaysia yang merawat pesakit perlu menghantar pelaporan *Malaysian Patient Safety Goals 2.0* (MPSG 2.0) melalui sistem *e-goals patient safety*.

3. Sehubungan dengan itu, bagi persediaan pelaporan *Malaysian Patient Safety Goals 2.0*, pihak sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia telah menyediakan tatacara pelaporan MPSG 2.0 (rujuk lampiran 1) untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Untuk makluman, pihak sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia telah menyediakan papan pemuka (*dashboard*) pencapaian MPSG 2.0 untuk rujukan data bagi tahun-tahun sebelum. Sila rujuk lampiran 2 bagi tatacara penggunaan papan pemuka ini.

4. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pihak kami melalui pegawai berikut:

Dr. Zaleha Md Nor
Tel: 03- 8883 1188 e-mel : patientsafety@moh.gov.my

Dr. Mohd Fathi Azri bin Zulkiflee
Tel: 03- 8883 1199 e-mel : patientsafety@moh.gov.my


Segala kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



DR. AZLIHANIS BINTI ABDUL HADI (MMC: 36644)
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Timbalan Pengarah
Cawangan Pengurusan Risiko Dan Survelan Klinikal
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Pergigian)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perkhidmatan Farmasi)

Pengarah
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ahli Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia

fail

SENARAI EDARAN

Pengarah Kesihatan

Negeri / Wilayah _____

Pengarah

Hospital _____

Pengarah

Pejabat Kesihatan / Pejabat Pergigian _____

LAMPIRAN 1

Tatacara penghantaran laporan *Malaysian Patient Safety Goals* 2.0 melalui sistem *e-goals patient safety*

TATACARA PENGHANTARAN LAPORAN *MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS* 2.0 MELALUI SISTEM *E-GOALS PATIENT SAFETY*

MENGAKSES SISTEM *e-GOALS PATIENT SAFETY*

1) Layari portal rasmi Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia (https://patientsafety.moh.gov.my/v2)



2) Klik pada ***e-goals patient safety***



3) Klik pada butang ***e-goals patient safety*** untuk mengakses borang pelaporan atas talian.



4) Masukkan data pencapaian *Malaysian Patient Safety Goals* 2.0 fasiliti anda. Pencapaian ini merupakan pencapaian tahunan fasilti anda (satu fasiliti, satu pelaporan).



e-goals Patient Safety 2.0 (Malaysian Patient Safety Goals 2.0)

INSTRUCTIONS

1) Use CAPITAL LETTER when you fill in this form.
(Sila guna HURUF BESAR ketika mengisi borang ini.)

2)
Once completed, PLEASE REVIEW the data given as the data cannot be saved or retrieved once it has been sent to the Technical Secretariat of Patient Safety Council Malaysia.
(Setelah selesai mengisi, SILA SEMAK data yang diberikan kerana data tidak boleh disimpan atau dicapai semula oleh pihak anda setelah dihantar kepada Sekretariat Teknikal Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia.)

3) This "e-goals: patient safety 2.0" form must be submitted via the online form by 31st JANUARY EVERY YEAR
(Borang "e-goals: patient safety " ini mesti dihantar mengunakan borang atas talian ini pada 31 JANUARI SETIAP TAHUN)

4)
Any inquiry, please call Technical Secretariat of Patient Safety Council Malaysia (03-88831180 / 1196 / 1199) at Patient Safety Unit, Medical Care Quality Section, Medical Development Division, Ministry of Health Malaysia.
(Sebarang pertanyaan, sila hubungi Sekretariat Teknikal Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia (03-88831180/ 1196 / 1199) di Unit Keselamatan Pesakit, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

5) Skrol ke bawah halaman ini bagi melihat **senarai fasiliti** yang telah menghantar pelaporan *Malaysian Patient Safety Goals 2.0* bagi tahun semasa. Penghantaran akan bermula 1 Januari hingga 31 Januari tahun 2025.



MAKLUMAN TAMBAHAN BAGI PELAPORAN *MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS 2.0* MELALUI SISTEM *e-GOALS PATIENT SAFETY*


Pengunaan kod bagi fasiliti yang tidak mengimplementasi, tiada data/ hilang data atau tidak berkenaaan bagi gol-gol tertentu. Kod adalah seperti berikut:

- **ND (NO DATA)** - Data tidak dikumpul / hilang seperti dalam contoh data hilang disebabkan bencana atau salah cara pengumpulan data.
  Jika tiada kes (0 kes) bagi gol tertentu, anda perlu mengisi dengan **nombor "0" dan bukannya ND.

- **NA (NOT APPLICABLE)** - Gol ini tidak perlu diimplementasikan oleh fasiliti anda. Contohnya seperti dalam kes fasiliti yang tidak menyediakan perkhidmatan pembedahan, maka gol 2 (*Safe Surgery Saves Lives*) adalah tidak perlu dilaporkan.

- **NI (NOT IMPLEMENTED)** - Gol ini perlu diimplementasi oleh fasiliti anda namun fasiliti anda masih belum mengimplementasikan gol ini. Contohnya fasilti anda tidak menjalankan pemantauan *Medication Error*.

GUIDE ON DATA ENTRY FOR ZERO CASES, NOT APPLICABLE OR NOT IMPLEMENTING



SEMAKAN STATISTIK PENGHANTARAN *MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS*

Bagi semakan statistik penghantaran *Malaysian Patient Safety Goals* 2.0 tahun semasa, klik pada menu *Summary of Data Submission for MPSG Performance*



Rujuk garispanduan, pembentangan serta borang-borang berkaitan implementasi *Malaysian Patient Safety Goals* 2.0 di portal ini atau layari https://patientsafety.moh.gov.my/v2/?page_id=52 bagi maklumat lanjut berkenaan implementasi *Malaysian Patient Safety Goals 2.0.*

LAMPIRAN 2

Tatacara penggunaan Papan Pemuka Laporan *Malaysian Patient Safety Goals* 2.0

TATACARA PENGGUNAAN PAPAN PEMUKA LAPORAN *MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS 2.0*


MENGAKSES PAPAN PEMUKA (DASHBOARD) MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS 2.0

Pada halaman utama portal rasmi Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia, klik pada menu ***Technical Reports***. Menu ini merupakan *sub-menu* kepada **[*Publications & Reports*] > [*Technical Reports*].**



Pada halaman utama Papan Pemuka, anda akan diberi pilihan untuk memilih set data pelaporan yang ingin diteliti (pilihan pada ***dropdown list***). Sekiranya tiada pilihan dibuat, pelaporan yang dijana akan merujuk kepada purata pencapaian bagi set data keseluruhan. Pilihan ini masih boleh dibuat dalam halaman seterusnya.

* Peringatan, sekiranya pilihan set data dibuat pada pada halaman utama, data pada halaman seterusnya akan merujuk kepada pilihan yang dibuat dan anda perlu ***reset*** **Papan Pemuka** sekiranya hendak melihat set data keseluruhan.



TATACARA ASAS MELIHAT PELAPORAN MENGGUNAKAN PAPAN PEMUKA (*DASHBOARD*) MALAYSIAN PATIENT SAFETY GOALS 2.0


HALAMAN [*MAIN*]


Halaman ini bertujuan bagi menunjukkan pola pelaporan MPSG 2.0 bagi tahun yang dipilih. Pada setiap halaman Papan Pemuka, anda boleh memilih set data yang ingin diteliti. Sekiranya pilihan dibuat pada halaman utama Papan Pemuka, set data akan dihadkan pada pilihan yang telah dibuat.



HALAMAN [*OVERVIEW*]

Halaman ini bertujuan bagi menunjukkan pencapaian keseluruhan setiap goal MPSG 2.0 bagi tahun yang dipilih. Pencapaian ini akan merujuk kepada purata pencapaian mengikut set data yang telah dipilih. Sekiranya pilihan dibuat pada halaman utama Papan Pemuka, set data akan dihadkan pada pilihan yang telah ditetapkan.






LAMPIRAN 2


HALAMAN [*KPI PERFORMANCE*]

Analisa terperinci bagi setiap KPI di dalam MPSG 2.0 akan dipaparkan pada halaman yang khusus mengikut nombor KPI. Contoh di bawah adalah merujuk kepada KPI 3 MPSG 2.0, *Safe Surgery Saves Lives – Prevention of Wrong Surgery.*



BUTANG [*DRILL-DOWN*]
Gerakkan kursor pada bahagian atas kanan jadual bagi mengakses pilihan ini

LAPORAN PENCAPAIAN KPI
Laporan akan dipaparkan dalam bentuk jadual. Tekan pada butang *[Drill-down]* bagi melihat perincian pelaporan mengikut fasiliti , organisasi dan jenis fasiliti spesifik. Klik pada *header* jadual bagi menyusun data pada turutan menaik atau menurun.



BUTANG [*DRILL-DOWN*]
Gerakkan kursor pada bahagian atas kanan jadual bagi mengakses pilihan ini.

BUTANG [*OPTIONAL MATRIX*]
Butang ini bertujuan bagi menetapkan maklumat tambahan yang hendak dipaparkan pada jadual.

MUAT TURUN LAPORAN PENCAPAIAN MPSG 2.0 MENGGUNAKAN PAPAN PEMUKA MPSG 2.0

Bagi memuat turun laporan pencapaian MPSG 2.0 menggunakan papan pemuka (*dashboard*) ini, gerakkan kursor pada bahagian atas Papan Pemuka dan klik pada anak panah kecil pada menu [*Share*]. Pilih pada *download report* bagi memuat turun laporan mengikut pilihan set data yang telah dibuat. Pelaporan ini akan dimuat turun dalam format *.pdf.



